

0594

U B606 AAB  
MAHATHIR - BMF

KUANTAN, 17 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MELAHIRKAN KERAGUANNYA TERHADAP HASIL SIASATAN SEBUAH JAWATANKUASA YANG DIKETUAI OLEH BEKAS KETUA AUDIT NEGARA, TAN SRI AHMAD NOORDIN ZAKARIA MENGENAI SKANDAL BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE (BMF).

+KALAU LAPORAN ITU TIDAK MENYALAHKAN TENGGU RAZALEIGH, KITA KHUATIR SAMA ADA PENDIRIAN TAN SRI AHMAD NORDIN (YANG DIKATAKAN KINI MEMIHAK KEPADA SEMANGAT 46) ADA KAITAN ATAU TIDAK DENGAN LAPORAN YANG DIA BUAT,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA KETIKA DIMINTA MENGULAS KENYATAAN TENGGU RAZALEIGH DI SINI MALAM TADI BAHAWA BELIAU BERSEDIA DIPANGGIL MEMBERI KETERANGAN OLEH SEBUAH SURUHANJAYA DIRAJA BERHUBUNG TUDUHAN YANG MENGAITKANNYA DENGAN SKANDAL ITU.

AKHBAR-AKHBAR HARI INI MELAPORKAN KENYATAAN LORRAIN ESME OSMAN, BEKAS PENERUSI BMF YANG KINI DITAHAN DIPENJARA BRIXTON, LONDON, MENGENAI PEMBABITAN SECARA LANGSUNG TENGGU RAZALEIGH HAMZAH, PRESIDEN SEMANGAT 46 YANG JUGA BEKAS MENTERI KEWANGAN, SEBAGAI ORANG YANG PALING BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS SKANDAL BMF DI HONG KONG PADA AWAL 1980AN.

MENURUT PERDANA MENTERI LAGI, BELIAU HANYA MENGETAHUI MENGENAI PENDEDAHAN LORRAIN ITU MENERUSI AKHBAR DAN DARIPADA KENYATAAN LORRAIN ITU KATANYA, BEKAS PENERUSI BMF ITU SEPERTI KECEWA DENGAN APA YANG BERLAKU KE ATASNYA. -- LAGI  
1411MST 17 10 90

0595

U B607 AAB  
MAHATHIR - BMF 2 KUANTAN

+NAMPAK SEOLAH-OLAH DIA BERASA KECEWA KERANA DIA DALAM PENJARA LIMA TAHUN (DAN MASIH) TIDAK DIBICARA. NAMPAK DIA KECEWA SEBAB ORANG YANG DAPAT BANYAK NIKMAT INI BEBAS DAN ADA KEINGINAN MENJADI PERDANA MENTERI SEDANGKAN DIA DUDUK DALAM PENJARA,+ KATANYA.

MENURUTNYA LAGI, SESIAPUN YANG MENGALAMI NASIB SEPERTI LORRAIN ITU PASTI AKAN TURUT KECEWA JUGA.

LORRAIN DIKATAKAN MEMBUAT PENDEDAHAN ITU DALAM KENYATAAN KHAS YANG DIEDARKAN KEPADA PARA WARTAWAN MALAYSIA DI LONDON, MENERUSI SEORANG WAKIL PEGUAMNYA.

LORRAIN YANG SELAMA INI TIDAK PERNAH MENGAITKAN PENGLIBATAN TENGGU RAZALEIGH, DIKATAKAN MENGAMBIL KEPUTUSAN MEMBUAT PENDEDAHAN ITU MEMANDANGKAN PERCUBAAN TENGGU RAZALEIGH UNTUK MEREbut PUCUK PIMPINAN NEGARA. -- BERNAMA  
1412MST 17 10 90